

Sunday, July 17, 2022

RENCANA

FENOMENA 'MAT KILAU'

Filem beri kesedaran kepada seni silat setempat

► SITI AISYAH NORDIN
sainyah@bgh.com.sg

KAGUM melihat pahlawan Melayu beraksi, lengkap dengan gerakan seni silat yang seindah tarian namun tetap menunjukkan ketangkasan mempertahankan diri serta orang tersayang.

Tidak hairan jika ada di kalangan penonton yang langsung mencari kelas silat selepas menonton filem seperti *Mat Kilau* di pawagam.

Impak filem tersebut mungkin tidak begitu ketara dari segi peningkatan jumlah individu yang ingin mempelajari perguruan silat di Singapura – seperti yang dilihat di Weberung Tambak – disebabkan pasaran Singapura yang lebih kecil.

Namun, ia tetap menyumbang kepada kesedaran dan penghargaan yang semakin meningkat terhadap seni tersebut sejak kebelakangan ini, kata pesilat negara, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi) semasa sesi podcast *Berita Harian, #NoTopic*, baru-baru ini.

Jika dibandingkan dengan tempoh tahun 1970-an semasa Persisi baru dimulakan, Sheik Alau'ddin berkata seni silat kian berada di kedudukan lebih tinggi di mata masyarakat dan juga agensi sukan negara, Sports Singapore (SportSG).

Ini jelas dapat dilihat, terutama sekali menyusuli kejayaan pasukan silat negara dalam meraih prestasi cemerlang dalam pertandingan serantau atau antarabangsa, menurut beliau.

Mengulas lanjut, Sheik Alau'ddin juga berkata tarai sukan silat yang kini lebih tinggi juga jelas dilihat melalui dana dan geran yang lebih tinggi bagi atlet.

Ini termasuk peruntukan dana dari SportSG sehingga lebih \$2.4 juta merangkumi biasiswa dan juga usaha naik taraf prasarana latihan silat, tambahnya.

"Silat dulu dan sekarang cukup berbeza, sudah berbeza dan dinaik taraf."

"(Atlet silat) sekarang tahu kalau mereka kerja keras, banyak ganjaran dan geran yang akan diterima, terutama sekali jika berjaya bergelar juara dan jadi kebanggaan negara," katanya, sambil menambah kini terdapat tujuh atlet silat sepenuh masa bergaji sekitar \$8,000 sebulan.

Meskipun sukan silat telah mencatatkan peningkatan besar-besaran ini berbanding dua dekad lalu, Sheik Alau'ddin menekankan



LAHIRKAN JUARA: Sukan silat telah melahirkan beberapa juara di peringkat elit – Sukan SEA, Sukan Asia dan juga di peringkat tertinggi iaitu Kejuaraan Dunia. – Foto fail

SILAT DULU DAN SEKARANG



"Silat dulu dan sekarang cukup berbeza, sudah berubah dan dinaik taraf."

(Atlet silat) sekarang tahu kalau mereka kerja keras, banyak ganjaran dan geran yang akan diterima, terutama sekali jika berjaya bergelar juara dan jadi kebanggaan negara."

– Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

masih banyak yang boleh dilakukan untuk meletakkannya di tahap sukan-sukan elit setempat.

Sheik Alau'ddin menambah, meskipun lebih ramai ibu bapa kini terbuka untuk memasukkan anak mereka ke kelas-kelas silat, mereka perlu pertimbang dengan teliti tujuan sebenar serta menilai perguruan yang ada sebelum membuat pilihan.

"Ibu bapa perlu tahu, nak masukkan anak-anak mereka untuk mendalami ilmu silat, sekadar belajar mempertahankan diri atau nak anak mereka jadi juara silat."

"Jangan main-barat saja, tak kenal perguruan atau apa objektif anak dia masuk kelas tersebut."

"Kena pastikan yang mengajar juga membekalkan 100 peratus, bukan sekadar buat saja," tambahnya.

Sejak memikul jawatan CEO sekitar 2005, Sheik Alau'ddin serta kakitangan di Persisi gigih memperjuangkan nasib sukan ini dengan matlamat utamanya untuk membawa silat ke persada sukan Olimpik.

Sukan tersebut telah melahirkan beberapa juara di peringkat elit – Sukan SEA, Sukan Asia dan juga di peringkat tertinggi, iaitu Kejuaraan Dunia.

Sheik Alau'ddin sendiri merupakan juara dunia dua kali – pada 1990 dan 1994 – dan anaknya Sheik Farhan juga telah bergelar juara dunia.



BERI KESEDARAN: (Dari kiri) Sheik Alau'ddin, Korresponden BH Shahida Sarhid dan Dr Ruzalina membincangkan fenomena Mat Kilau yang melanda Singapura dan Malaysia. – Foto BM oleh ATIKAH MAISARAH NIZAM

Persatuan Sikh M'sia: Filem tak sensitif gambarkan watak bukan Melayu

WALAU PUN mendapat perhatian yang meningkat, filem 'blockbuster', *Mat Kilau* telah dikritik kerana ia tidak sensitif dalam menggambarkan watak bukan Melayu.

Baru-baru ini, persatuan Sikh Malaysia, The United Sikhs Malaysia, membebaskan kebimbangan mengenai adegan "kontroversial" dan "tidak menyenangkan" tentang masyarakat Sikh.

Filem arahan Syamsul Yusof ini diibunkan oleh tokoh sejarah Mat Kilau, yang menentang penjajahan British di Pahang pada tahun 1880-an.

Bagaimanapun, United Sikhs Malaysia berkata adegan fiksi tertentu dalam filem itu, melibatkan orang Sikh yang berkhidmat dalam tentera British, boleh membahayakan watak bukan Melayu.

"Filem itu memaparkan semangat orang Melayu yang berbilang-sunguh menghormati Tanah Melayu. Namun kesaloya, ia mengabaikan ab-

ti daripada bangsa dan agama lain sebagai penjahat.

"Kami perayu ini boleh membawa ketidak-harmonisan kaum. Khususnya, kami perhati bahawa Sikh berserban yang merupakan askar British dalam filem itu digambarkan telah meletakkan tangan pada orang tua, kanak-kanak dan rakyat yang tidak berdaya."

"Tetapi, ked amalan Sikh melarang kami untuk meletakkan tangan pada orang tua, kanak-kanak, wanita dan rakyat yang tidak berdaya walaupun semasa perang," kata kumpulan itu dalam satu kenyataan.

Walaupun adegan kontroversi itu merupakan satu rekaman, kumpulan tersebut berkecuali bahawa komponen itu telah menyakitkan sentimen orang Sikh.

Oleh itu, mereka menggesa industri perfileman negara supaya tidak menghasilkan filem yang mengorbankan peredaran perkhidmatan dan agama lain, yang berpotensi untuk menimbulkan salah faham.